



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

INISIATIF PEMERKASAAN PRODUK TEMPATAN MELALUI PLATFORM DALAM TALIAN (*MARKETPLACE*)

PETALING JAYA, 26 SEPTEMBER 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ialah Kementerian peneraju dalam pelaksanaan inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Salah satu inisiatif untuk menggerakkan kempen ini ialah melalui kaedah dalam talian (*online marketplace*).

Melalui inisiatif KBBM, KPDN telah menjalinkan kerjasama dengan pengendali platform dalam talian seperti Shoppe, Lazada dan PGMall untuk memperluas pasaran dan menjadi salah satu strategi kepada galakan pembelian produk-produk barangan Malaysia secara dalam talian. Sepanjang tahun 2023, melalui 3 pengendali platform dalam talian ini, ia telah menjana hasil jualan berjumlah RM347,739,505.00 yang melibatkan 694,496 *Stock Keeping Unit* (SKU).

Melihat kepada trend pilihan platform dalam talian oleh pengguna, maka KPDN akan memperluas pelaksanaan kempen KBBM secara dalam talian dengan mengadakan kerjasama bersama pengendali platform TikTok Shop Malaysia. Melalui usaha ini, TikTok Shop Malaysia akan mewujudkan halaman promosi khas (*microsite*) khusus untuk pengiklanan dan promosi produk-produk barangan Malaysia.

Pada masa yang sama, program ini akan menasarkankan seramai 8,000 usahawan tempatan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang akan meliputi 300,000 *Stock Keeping Unit* (SKU).

Sebagai langkah promosi pula, KBBM melalui Tiktok Shop akan menyediakan baucar diskaun ke atas barangan yang terpilih dan penghantaran percuma kepada pengguna turut diberikan. Selain itu, program latihan atau bengkel berkaitan keusahawanan akan diadakan kepada pengusaha-pengusaha yang mengambil bahagian dalam kempen bersama TikTok Shop ini.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###